

# KEPELBAGAIAN TREND PELAJAR MENGAPLIKASIKAN PENGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ANTARABANGSA DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

## TRENDS OF SOCIAL MEDIA USAGE IN LEARNING INTERNATIONAL LANGUAGES OF UUM STUDENTS.

Aida Husni Abdul Hamid<sup>1</sup>  
Zeety Kartini Abdul Hamid<sup>2</sup>  
Masni Mansor<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,  
(E-mail: aidahusni@uum.edu.my)

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,  
(Email: kartini@uum.edu.my)

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,  
(E-mail: mmasni@uitm.edu.my)

### Article history

**Received date** : 19-9-2023  
**Revised date** : 25-9-2023  
**Accepted date** : 29-10-2023  
**Published date** : 14-11-2023

### To cite this document:

Abdul Hamid, A. H., Abdul Hamid, Z. K., & Mansor, M. (2023). Kepelebagaian trend pelajar mengaplikasikan penggunaan media sosial dalam pembelajaran bahasa antarabangsa di Universiti Utara Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (58), 88 – 89.

---

**Abstrak:** Penggunaan media sosial dalam pendidikan telah banyak dibicarakan malah ia menjadi salah satu keperluan yang sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran pada masa kini. Platform media social seperti Facebook, twitter, instagram dan banyak lagi platform media sosial yang lain turut digunakan dengan begitu meluas dalam pelbagai aspek termasuklah dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (pdp) bahasa. Pembelajaran melalui penggunaan media sosial ini juga membantu memotivasikan pelajar-pelajar dalam pembelajaran bahasa kerana mereka boleh berinteraksi sesama sendiri disamping mengaplikasikan bahasa yang dipelajari. Namun begitu, platform media sosial yang menjadi pilihan utama pelajar-pelajar terutamanya pelajar-pelajar yang mempelajari kursus bahasa di Universiti Utara Malaysia pada masa kini masih belum dikenal pasti meskipun penggunaan media sosial dalam pembelajaran digunakan secara meluas. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan membincangkan trend penggunaan media sosial oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa dan juga apakah faktor pemilihan media sosial yang digunakan oleh setiap pelajar bahasa Antarabangsa di Universiti Utara Malaysia. Kajian ini dijalankan dengan mengedarkan soalan kaji selidik kepada keseluruhan responden daripada populasi pelajar-pelajar yang mempelajari 8 bahasa antarabangsa di Universiti Utara Malaysia iaitu Bahasa Sepanyol, Bahasa Jerman, Bahasa Jepun, Bahasa Arab, Bahasa Mandarin, Bahasa Thai, Bahasa Perancis dan Bahasa Korea. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu tenaga pengajar dalam mengenal pasti penggunaan media sosial yang sesuai

dan dapat diaplikasikan dalam PdP Bahasa Antarabangsa seterusnya dapat memberi satu dimensi baharu dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran bahasa di Universiti Utara Malaysia khususnya.

**Kata Kunci:** *Trend, Pembelajaran Bahasa Antarabangsa, PdP, Media social*

**Abstract:** *The use of Social Media in education has been discussed a lot these days and it has become one of the most important requirements in teaching and learning today. The use of Facebook, twitter, instagram and many other social media platforms are used so widely in various aspects including the field of language teaching and learning (pdp). Learning through the use of social media also helps motivate students in language learning because students can interact with each other while applying the language they learn. However, the social media platform that is the main choice of students, especially language students at Universiti Utara Malaysia, has not yet been identified even though the use of social media in learning is widely used. Therefore, this paper aims to study and discuss the trends in the use of social media by students in language learning and also what are the factors in the selection of social media used by each international language student at Universiti Utara Malaysia. This study was conducted by distributing survey questions to all respondents from the population of students who study 8 international languages at Universiti Utara Malaysia, namely German, Spanish, Japanese, Arabic, Mandarin, Thai, French and Korean. The results of this study are expected to help teachers in identifying the appropriate use of social media in International Language PdP so that it can be applied to give a new dimension in diversifying language teaching methods at Universiti Utara Malaysia in particular.*

**Keywords:** *Trends, International Language Learning, PdP, Social Media*

---

## **Pengenalan**

Penggunaan media sosial dalam pendidikan telah menjadi topik yang semakin penting dan relevan seiring perkembangan teknologi digital. Media sosial dapat membantu untuk meningkatkan pengalaman belajar, berkomunikasi, dan berkolaborasi dalam konteks pendidikan. Malah Trend penggunaan media sosial dalam pembelajaran bahasa antarabangsa semakin mendapat perhatian yang signifikan dalam beberapa tahun terakhir ini. Media sosial turut berperanan sebagai medium alat bantu mengajar bagi sesetengah topik pembelajaran. Melalui kajian oleh Husain, Darmi, Mohd Nor & Ismail (2022), penggunaan teknologi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan mutu pendidikan kerana menjadi pemudah cara dalam situasi pembelajaran dalam talian. Maka wujud kepelbagaian aplikasi yang terkini menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih interaktif dan menarik. Selain itu, kajian oleh Abdul Halim, Zainab, Azmi, Dania, Jasmi dan Kamarul (2019) mendapati terdapat enam tajuk utama yang dibincangkan dalam topik isu media sosial ini iaitu media sosial sebagai platform merapatkan silaturrahim antara masyarakat dan kerajaan, media sosial sebagai alat menyampaikan ilmu dan ideologi, media sosial sebagai platform perniagaan, media sosial sebagai alat dakwah dan penyebaran maklumat, media sosial sebagai platform memupuk talian persahabatan dan silaturrahim, dan media sosial sebagai platform pendidikan

## **Media Sosial sebagai Platform Pendidikan**

Media sosial memungkinkan pelajar dari pelbagai negara berinteraksi dan berkomunikasi secara langsung. Mereka dapat berbicara dengan penutur asli bahasa target atau dengan pelajar dari latar belakang budaya yang berbeza, sehingga meningkatkan pemahaman tentang variasi

bahasa dan budaya. Platform media sosial juga membolehkan berlakunya pembelajaran kolaboratif di antara pelajar. Mereka dapat bekerjasama tanpa perlu bersemuka dalam menyelesaikan tugas yang diberi. Pelajar dapat mengakses pelbagai jenis teks, gambar, audio, dan video melalui media sosial. Hal ini dapat membuka satu ruang kepada pembelajaran bahasa yang lebih holistik. Selain itu, pelajar dapat memahami penggunaan bahasa mengikut konteks dalam situasi kehidupan nyata. Mereka dapat memahami ekspresi informal, meningkatkan kosa kata dan frasa yang tidak diajar di dalam kelas. Media sosial juga turut membuka ruang kepada pelajar untuk mengenali budaya negara-negara bahasa yang mereka pelajari. Mereka dapat melihat perayaan tradisional, gaya hidup, dan pandangan dunia dari masyarakat yang berada dalam komuniti tersebut. Pelajar juga dapat turut serta dalam sesi perbincangan di ruang komen melalui idea dan pendapat mereka dalam platform media sosial yang mereka gunakan itu. Di samping itu, pelajar juga boleh menghasilkan sesuatu dengan kreativiti mereka sendiri seperti video pendek, posting blog, atau *meme* dalam bahasa yang mereka pelajari itu. Ini dapat membantu meningkatkan motivasi dan keterlibatan dalam pembelajaran. Hal ini dibuktikan melalui kajian oleh A. Nasution (2020) yang telah melihat cara mengintegrasikan media sosial ke dalam pembelajaran generasi Z, adalah dengan memanfaatkan media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Twitter, dan Instagram sebagai media pembelajaran. Menurut kajian ini, secara praktikal media sosial ini boleh digunakan sebagai kelas maya, forum perbincangan, tempat berkongsi bahan pembelajaran, berkongsi video dan gambar, dan berkongsi pautan maklumat sekitar pelajaran.

### **Bahasa Antarabangsa di Universiti Utara Malaysia**

Bahasa Antarabangsa mula diperkenalkan di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada tahun 1998 bermula dengan bahasa Sepanyol, diikuti dengan Bahasa Jerman, Bahasa Jepun, Bahasa Arab, dan Bahasa Mandarin. Kini, telah terdapat beberapa pertambahan penawaran kursus seperti bahasa Thai, bahasa Perancis, bahasa Korea dan bahasa Melayu sebagai bahasa asing yang menjadikan 9 kursus bahasa antarabangsa di UUM. Kursus bahasa antarabangsa di UUM diletakkan di bawah seliaan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah. Para pelajar yang perlu mengikuti kursus bahasa antarabangsa ini boleh mengambilnya sebagai salah satu kursus pilihan. Meskipun kursus bahasa antarabangsa adalah kursus elektif di UUM, namun terdapat beberapa program pengajian yang mewajibkan pelajar mengambil kursus bahasa antarabangsa sebagai elektif wajib. Pada setiap semester, terdapat kira-kira 3000 ke 4000 orang pelajar mengikuti kursus bahasa antarabangsa di UUM. Kursus bahasa antarabangsa ditawarkan sehingga tahap tiga dengan tiga jam seminggu selama empat belas minggu untuk setiap tahap. Pengajaran dan pembelajaran bahasa antarabangsa di Universiti Utara Malaysia telah mula berubah daripada pembelajaran 'face to face' kepada kaedah dalam talian apabila Perintah Kawalan Pergerakan akibat Covid-19 bermula di Malaysia. Malah perubahan ini telah berlaku di sektor pendidikan di Malaysia dari tahap awal pendidikan sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Situasi ini telah membuka lembaran baharu dalam pengajaran dan pembelajaran di Universiti Utara Malaysia dengan penggunaan teknologi melalui aplikasi-aplikasi terkini seperti Zoom, Google Classroom, atau Webex. Malah penggunaan media sosial dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa antarabangsa di Universiti Utara Malaysia juga mula mendapat tempat dalam kalangan para pengajar dan juga pelajar UUM. Pembelajaran melalui penggunaan media sosial ini dapat membantu pelajar meningkatkan kebolehan berbahasa di samping mengembangkan keterampilan sosial, seperti membangun hubungan dan kerjasama, berkomunikasi secara efektif, dan memahami budaya luar. Ia juga membantu pelajar memotivasikan mereka dalam pembelajaran bahasa kerana pelajar boleh berinteraksi sesama sendiri sambil mengaplikasikan bahasa yang dipelajari. Oleh itu, tenaga pengajar perlu peka dalam pemilihan media sosial yang bersesuaian dengan pelajar. Namun begitu, media sosial

yang menjadi pilihan utama pelajar bahasa di Universiti Utara Malaysia pada masa kini masih belum dikenal pasti. Oleh yang demikian, kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji dan membincangkan trend penggunaan media sosial oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa dan juga apakah faktor pemilihan media sosial yang digunakan oleh setiap pelajar bahasa Antarabangsa di Universiti Utara Malaysia.

### **Sorotan Kajian**

Kajian berkaitan dengan penggunaan media sosial dalam pembelajaran telah dijalankan oleh beberapa pengkaji seperti berikut.

#### **Meia sosial sebagai medium pengajaran dan pembelajaran**

Fuja Siti Fujiawati & Reza Mauldy Raharja (2021) telah menjalankan kajian terhadap 42 orang mahasiswa universiti dan mendapati bahawa pelajar sudah biasa menggunakan media sosial Instagram dalam kehidupan seharian mereka, dan sebanyak 64.3% merasakan penggunaan media sosial Instagram boleh digunakan sebagai penyelesaian alternatif untuk pembelajaran. Kaedah pendekatan kualitatif yang berfokus dari tinjauan literatur telah digunakan dengan mengkaji penggunaan media pembelajaran dan pembentukan projek untuk mengetahui maklum balas pelajar.

Zamri, F.A. (2021) dalam kajian Penggunaan Media Sosial Sebagai Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di IPT Kajian ini dijalankan untuk melihat potensi penggunaan media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di IPT yang terpilih. Kajian ini melibatkan 146 orang pelajar yang mengambil jurusan Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Sains Islam Malaysia dan Kolej Universiti Islam Selangor. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif melibatkan penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar, persepsi pelajar terhadap sistem rangkaian media sosial sebagai bahan pdp, faktor penerimaan dan kepercayaan pelajar terhadap media sosial sebagai bahan pdp. Manakala analisis inferensi melibatkan ujian – t, ANOVA sehalu dan ujian korelasi Pearson bagi menerangkan perbezaan serta hubungan antara pemboleh ubah kajian. Hasil kajian menunjukkan penggunaan media sosial sememangnya meluas tanpa mengira latar belakang pengguna. Namun, penggunaannya sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam hanya berada pada tahap sederhana. Hasil kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan antara pemboleh ubah. Analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan sederhana tinggi antara tujuan penggunaan media sosial dan persepsi pelajar terhadap media sosial sebagai salah satu bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di IPT. Kesimpulan daripada kajian mendapati para pelajar seharusnya memanfaatkan dan memaksimumkan penggunaan media sosial sebagai salah satu bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Implikasinya, para pelajar dapat memahami dan mengaplikasikan isi pelajaran bukan sahaja untuk peperiksaan malah dalam kehidupan seharian.

#### **Media sosial meningkatkan kemahiran dan komunikasi**

Mazni, Mohd Ahyan, Jambari, Noh@Seth & Pairan (2023) telah menjalankan kajian terhadap 75 orang pelajar tahun akhir bidang pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) di Sekolah Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia terhadap penggunaan media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi Twitter, Youtube dan Instagram. Kajian mendapati bahawa platform 'Youtube' mempunyai persepsi yang lebih baik dalam penggunaannya sebagai media pengajaran berbanding platform 'Facebook' dan 'Twitter'.

Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa, penggunaan media sosial memberikan impak positif terhadap peningkatan kemahiran pelajar, komunikasi pelajar dan kandungan pelajaran. Yun Xuan, N. and Kutty, F. M. (2022) dalam kajian Potensi Penggunaan Media Sosial Terhadap Kemahiran Komunikasi Interpersonal Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG). Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti trend penggunaan media sosial dan kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih di Institut Pendidikan Guru (IPG) serta menentukan hubungan penggunaan media sosial terhadap kemahiran komunikasi interpersonal. Sejumlah 279 orang guru pelatih dari IPG Kampus Ipoh telah terlibat dalam kajian ini melalui teknik persampelan rawak mudah. Soal selidik kajian ini diadaptasikan daripada Social Networking Sites Usage & Needs Scale (SNSUN) dan Interpersonal Communication Competence Scale (ICCS). Data telah dianalisis secara deskriptif (kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai) dan inferensi (Ujian Korelasi Spearman Rho). Hasil analisis menunjukkan bahawa majoriti guru pelatih IPG mempunyai lebih daripada empat akaun media sosial dan aktif dalam mengakses media sosial. Aplikasi WhatsApp, Instagram dan Facebook merupakan tiga aplikasi media sosial yang sering digunakan oleh guru pelatih IPG. Hasil kajian ini turut menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih berada pada tahap yang sederhana tinggi ( $M=3.56$ ). Analisis korelasi menunjukkan bahawa tidak wujudnya hubungan antara masa penggunaan media sosial dengan kemahiran komunikasi interpersonal [ $r_s(277)=0.057, p>0.01, N=279$ ]. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa masa penggunaan media sosial tidak berperanan dalam mempengaruhi kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih. Justeru, punca-punca lain yang mempengaruhi kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih penting dikenal pasti pada kajian yang selanjutnya agar penguasaan kemahiran komunikasi interpersonal guru pelatih dapat dipertingkatkan kepada tahap yang optimum.

### **Media sosial memudahkan pembelajaran atas talian**

Kajian oleh Husain, Darmi, Mohd Nor & Ismail (2022) melihat maklum balas pelajar terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa Sepanyol peringkat asas di Universiti Putra Malaysia. Seramai 104 pelajar memberi maklum balas berkaitan dengan kepuasan mereka mempelajari bahasa Sepanyol melalui penggunaan teknologi seperti Youtube. Selain itu aplikasi atas talian untuk tujuan pembelajaran juga diperkenalkan seperti wordwall, duolingo, lingua.com, spanishspanish.com dan studyspanish.com. Oleh itu, penggunaan teknologi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan mutu pendidikan kerana menjadi pemudah cara dalam situasi pembelajaran dalam talian. Maka, wujud kepelbagaian aplikasi yang terkini menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih interaktif dan menarik.

Magesvaran., U (2021) dalam kajian Tahap Pengetahuan Dan Kekangan Yang Dihadapi Oleh Guru Bahasa Melayu Ketika Menggunakan Aplikasi Google Meet Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian. Kajian ini bertujuan untuk meneroka tahap pengetahuan dan kekangan yang dihadapi guru ketika menggunakan aplikasi GM sebagai medium pelaksanaan PdP Bahasa Melayu secara dalam talian di sekolah menengah. Seramai 11 orang guru Bahasa Melayu di Kulim, Kedah dijadikan peserta kajian untuk ditemu bual. 5 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah kategori bandar dan 6 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah kategori luar bandar dipilih sebagai peserta kajian. Semua guru Bahasa Melayu ialah guru berpengalaman. Data temu bual dianalisis secara naratif. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang penggunaan aplikasi GM dalam PdP bahasa secara dalam talian adalah tinggi. Kekangan dan kesukaran yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu ketika mengajar menggunakan aplikasi GM ialah sikap pelajar yang tidak bersedia untuk belajar secara dalam talian, di samping sikap ibu bapa yang tidak memberi

kerjasama semasa PdP dalam talian dijalankan. Kajian ini membuktikan bahawa walaupun PdP dalam talian suatu norma baharu dalam konteks pendidikan di Malaysia, tetapi guru-guru menunjukkan komitmen yang tinggi untuk melaksanakan PdP secara talian. Guru-guru menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah mengajar berbantuan aplikasi digital seperti GM untuk menarik minat pelajar untuk belajar secara dalam talian.

### **Media sosial dan media massa sebagai medium penyebaran isu-isu semasa**

Nasruddin, M., N.E. & Ramli, Z. (2020) dalam kajian Keberkesanan Media Massa Dan Media Sosial Kepada Masyarakat Dalam Menyelesaikan Isu Penjagaan Warisan Negara. Kaedah kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah ini juga dikenali sebagai *armchair* iaitu pengumpulan maklumat atau data menerusi kajian kepustakaan. Antara sumber yang digunakan dalam kajian ini adalah akhbar, jurnal dan internet. Rujukan dalam internet banyak dilakukan memandangkan kemudahan untuk mendapatkan maklumat secara maya lebih efektif pada zaman siber ini. Pengumpulan data menggunakan kaedah ini banyak membantu dalam membuat kajian ini daripada segi mendapatkan isu-isu yang berkaitan dengan warisan negara. Secara keseluruhannya, hasil daripada kajian mendapati peranan media massa dan media sosial sangat penting dalam menyebarkan segala isu yang berkait dengan warisan negara secara cepat dan meluas. Hal ini dapat memupuk semangat cintakan negara dalam diri masyarakat serta membangkitkan kesedaran rakyat Malaysia dalam melindungi warisan-warisan negara agar sejarah dan budaya negara Malaysia dapat dikekalkan.

Abdul Wahab, N. et al (2020) mengkaji Analisis Keberkesanan Penggunaan ICT Dalam Mendepani Gelombang Revolusi Industri 4.0 Dalam Kalangan Pelajar Di Negeri Terengganu, Malaysia. Artikel ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Soal selidik digunakan bagi mengumpul data dan maklumat yang diperlukan. Seramai 102 orang pelajar SMK harian biasa di Terengganu terlibat dalam kajian ini. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 21 dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif dan analisis inferensi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kefahaman IR 4.0 berdasarkan faktor jantina dan lokasi sekolah. Kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan ICT sebagai medium pembelajaran berdasarkan lokasi sekolah. Walau bagaimanapun, terdapat perkaitan yang signifikan antara kefahaman tentang IR 4.0 terhadap penggunaan ICT dalam pembelajaran. Justeru, dapat disimpulkan bahawa pelajar di negeri Terengganu menjadikan ICT sebagai wadah menimba dan berkongsi ilmu pengetahuan serta menjadi medium pembelajaran masa kini. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat penting kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha meningkatkan pengintegrasian Information Communication and Technology (ICT) dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di sekolah-sekolah

### **Metodologi Kajian**


Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan kaedah analisis deskriptif bagi melihat trend penggunaan media sosial dan juga faktor-faktor pemilihan media sosial tersebut. Seramai 178 orang responden terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Utara Malaysia yang mengambil kursus bahasa Antarabangsa di Universiti Utara Malaysia. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam borang soal selidik yang telah diberikan kepada mereka. Mereka dikehendaki mengenal pasti jenis media sosial yang digunakan dalam membantu pembelajaran Bahasa Antarabangsa yang mereka pelajari. Maklum balas yang diperoleh akan dikira dan dianalisis mengikut peratusan. Soalan terbahagi kepada 2 bahagian iaitu soalan-soalan untuk mendapatkan latar belakang responden dan bahagian untuk mengkaji dan membincangkan trend penggunaan media sosial oleh pelajar dalam pembelajaran Bahasa,

dan juga soalan tentang faktor pemilihan media sosial yang digunakan oleh setiap pelajar bahasa Antarabangsa di Universiti Utara Malaysia. Sebelum soal selidik diedarkan kepada pelajar, pengkaji telah menjalankan kajian rintis bagi melihat kebolehpercayaan (reliability) item-item tersebut.

## Analisis dan Perbincangan

Apakah platform media sosial yang anda gunakan dalam membantu pembelajaran bahasa antarabangsa di UUM

178 responses



**Rajah 1: Trend Penggunaan Media Sosial**

Berdasarkan Rajah 1 di atas, dapatan kajian menunjukkan pelajar-pelajar lebih banyak menggunakan youtube iaitu sebanyak 79.2%, seterusnya diikuti dengan Whatsapp (47.2%), TikTok (46.1%), Instagram (33.1%), Telegram (31.5%), facebook (24.2%), Apps (21.3%), Twitter (7.3%), Duolingo (1.1%) dan lain-lain Apps seperti Spanish Dictionary (website), Website, Xiao Hong Shu, Microsoft Teams dan Google Translate (Japanese), masing-masing sebanyak 0.6%. Berdasarkan trend penggunaan media social oleh pelajar Universiti Utara Malaysia, dapatan menunjukkan 3 media sosial utama yang paling popular digunakan adalah Youtube, Whatsapp dan TikTok.


**YouTube:** YouTube dapat digunakan untuk mencari video pelajaran bahasa yang singkat dan efektif. Selain itu, pelajar dapat membuat saluran YouTube sendiri dengan penggunaan bahasa belajar mereka melalui memuatnaik video-video hasil mereka sendiri.

**WhatsApp:** Group WhatsApp dapat digunakan untuk berkomunikasi sesama pelajar dan juga tenaga pengajar dengan secara langsung. Selain itu, tugas seperti teks pendek atau audio dapat diedarkan dalam masa yang singkat kepada pelajar tanpa pertemuan secara bersemuka yang memerlukan masa yang panjang.

**TikTok:** TikTok adalah platform penghasilan video singkat yang sangat popular, terutama dalam kalangan remaja. Pelajar dapat menghasilkan video pendek melalui penggunaan kosakata, gambaran situasi percakapan, atau membuat latihan hafalan.

Pemilihan tiga media social ini bersesuaian dengan kajian oleh Yuni Fitriani (2021) dan A. Nasution (2020). Kajian oleh Yuni Fitriani mendapati platform media sosial seperti Instagram, Facebook, YouTube dan TikTok boleh digunakan sebagai medium persembahan untuk kandungan pendidikan atau pembelajaran digital di mana penggunaan media sosial sebagai media persembahan untuk kandungan pendidikan digital membantu penggunaanya dalam menambah pengetahuan dan pandangan baharu. Manakala kajian oleh A. Nasution pula menyatakan media sosial yang boleh diintegrasikan ke dalam pembelajaran Generasi z adalah Facebook, WhatsApp, Twitter dan Instagram.

Dapatan dalam kajian ini dan beberapa kajian lain menunjukkan penggunaan media sosial dalam pembelajaran telah menjadi semakin diminati dan dapat menjadi alat yang efektif dalam proses pembelajaran. Namun, penggunaan media sosial juga perlu dikawal agar tidak berlaku penyalahgunaan pencarian maklumat yang tidak bersesuaian dan buli siber oleh pelajar-pelajar. Selain itu, tenaga pengajar juga perlu memastikan bahawa penggunaan media sosial dalam pembelajaran akan dapat membantu mencapai objektif pembelajaran.



## Rajah 2: Faktor Pemilihan Media Sosial

Berdasarkan rajah 2 di atas, didapati faktor pemilihan media sosial tersebut menunjukkan keputusan ianya mudah digunakan (83.1%), diikuti oleh faktor menarik dan tidak membosankan (74.2%), faktor efektif dan faktor video berdurasi pendek dan jelas masing-masing sebanyak (65.2%), faktor pelbagai pilihan genre video sebanyak (44.4%), faktor jana pendapatan (3.9%) dan yang terakhir ialah faktor lain-lain iaitu sebanyak (0.6%). Dapatan ini menunjukkan faktor utama pemilihan media sosial adalah kerana mudah digunakan, menarik, tidak membosankan, efektif dan berdurasi pendek. Faktor-faktor ini selari dengan tiga pemilihan media sosial oleh pelajar-pelajar Universiti Utara Malaysia iaitu Youtube, Whatsapp dan TikTok. Pemilihan ini penting untuk mengekalkan minat dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran mereka. Selain itu, kajian oleh Manap, F. F., & Abdul Karim, A. (2017) juga menyatakan penggunaan aplikasi media sosial sedikit sebanyak mampu memberikan satu pendekatan pembelajaran yang menarik dan lebih efektif.



Namun begitu, faktor pemilihan penggunaan media sosial dalam pembelajaran bahasa oleh pelajar akan berubah mengikut karakteristik pelajar dan tujuan penggunaan pelajar itu sendiri dalam memilih jenis media sosial yang sesuai.

### Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mengenal pasti, trend penggunaan media sosial yang paling banyak digunakan oleh pelajar-pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) iaitu platform Youtube, Whatsapp dan TikTok. Para pelajar UUM yang mempelajari Bahasa Antarabangsa di UUM cenderung memilih media social berkenaan kerana platform media social ini mudah digunakan, menarik, tidak membosankan, efektif dan berdurasi pendek. Diharapkan penyelidikan ini akan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar bahasa antarabangsa khususnya di UUM dan di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi amnya. Meskipun umum mengetahui terdapat kekangan dalam penggunaan media sosial dalam pembelajaran, namun media social dapat membantu meningkatkan minat pelajar. Maka, tenaga pengajar juga seharusnya mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan penggunaan media sosial bagi menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa antarabangsa.

### Rujukan

- Abdul Halim et. Al. (2019). "Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam" in Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19) pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tena-ga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM, p. 001-016
- Abdul Wahab, N. et al (2020). Mengkaji Analisis Keberkesanan Penggunaan Ict Dalam Mendepani Gelombang Revolusi Industri 4.0 Dalam Kalangan Pelajar Di Negeri Terengganu, Malaysia. *Asian People Journal 2020*, VOL3(1)101-109e-ISSN:2600-8971.
- A. Nasution, (2020). "Integrasi Media Sosial Dalam Pembelajaran Generasi Z", *JTIP*, vol. 13, no. 1, pp. 80-86, Apr.
- Fitriani Yuni. (2021). Pemanfaatan media sosial sebagai media penyajian konten edukasi atau pembelajaran digital. *Journal of Information System, Applied, Management, Accounting and Research*, [S.l.], v. 5, n. 4, p. 1006-1013, nov. 2021. ISSN 2598-8719
- Fuja Siti Fujiawati, & Reza Mauldy Raharja. (2021). "Pemanfaatan Media Sosial (Instagram) Sebagai Media Penyajian Kreasi Seni Dalam Pembelajaran" *Jurnal Pendidikan dan Kajian Seni*. Vol.6, No.1.
- Husain, S., Darmi, R., Mohd Jalis, F. M., Mohd Nor, M., & Ismail, R. (2022). Student Feedbacks on the Use of Technology in Learning Spanish: Maklum Balas Pelajar Terhadap Penggunaan Teknologi Dalam Pembelajaran Bahasa Sepanyol. *Law, Policy, and Social Science*, 1(2), 17–25. <https://doi.org/10.55265/lpsjournal.v1i2.15> diakses pada 20 Ogos 2023.
- Intan Shafinaz binti Mohammad dan Nurul Shakirah binti Mohd Zawawi. (2019). Pemilihan Aplikasi Teknologi Media Sosial Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Mempengaruhi Ciri Pembelajaran Bermakna Dari Aspek Aktif Dan Autentik. *E-Jurnal Liga Ilmu Serantau 2019: Malaysia Indonesia (LIS 2019)*. ISSN 2710-6985 194
- Khalil, N., Buang, N. A. and Othman, N. (2021). "Literasi Media Sosial Pelajar Politeknik Terhadap Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Digital", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), pp. 22 - 32. doi: 10.47405/mjssh. v6i2.651.
- Manap, F. F., & Abdul Karim, A. (2017). Pengaplikasian Media Sosial sebagai Alternatif Pengajaran & Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Pengajian Tinggi. In *Prosiding International Conference on Learning Innovation and Quality Education, 2nd Series*.

- Mazni, M. M., Mohd Ahyan, N. A., Jambari, H., Noh@Seth, N. H., & Pairan, M. R. (2023). Persepsi Pelajar Tahun Akhir Bidang TVET Terhadap Penggunaan Media Sosial dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 7(1), 28–41. <https://doi.org/10.11113/itlj.v7.98> diakses pada 1 September 2023
- Mingmei Yu, Allan H.K., Yuen & Jae Park. (2012). Using Web 2.0 Technologies - Exploring Perspectives of Students, Teachers and Parents. *Interactive Technology and Smart Education Journal* . 9(4):2014 – 216.
- Moktar, Noor Athirah; Abdul Halim, Areen Sherryana; Jasmi, Kamarul Azmi (2019). “Media Sosial dan Impak kepada Perkembangan Bahasa Menurut Islam” in Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM’19)* pada 15hb. Disember 2019 di DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi TamadunIslam, FSSK, UTM, p. 211-226.
- Mohd Zaidi Mahmud dan Bahiyah Omar, (2013). Motif Dan Keckerapan Penggunaan Facebook Dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* Jilid 29(1) 2013: 35-54
- Nasruddin, M., N.E. & Ramli, Z. (2020). Keberkesanan Media Massa Dan Media Sosial Kepada Masyarakat Dalam Menyelesaikan Isu Penjagaan Warisan Negara. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* June 2020, Vol. 4, Issue. 1, p. 1-14 ISSN 2590-4213 e-ISSN 2590-4310.
- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman et.al (2022). Penggunaan Media Sosial Baharu: Isu-Isu dan Panduan Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin* 50 (1) 2022: 73-96
- Ugartini Magesvaran, (2021). *Tahap pengetahuan dan kekangan yang dihadapi oleh guru bahasa Melayu ketika menggunakan aplikasi Google Meet dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 11 (2). pp. 39-53. ISSN 2180-4842
- Yun Xuan, N. and Kutty, F. M. (2022). “Potensi Penggunaan Media Sosial Terhadap Kemahiran Komunikasi Interpersonal Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (e-ISSN : 2504-8562)2022, Volume7, Issue 3, e001375